

yang disediakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 926 unit RMR berjaya disiapkan di Negeri Sarawak dan sehingga kini, sebanyak 1 unit telah disiapkan di Parlimen Sibul manakala sebanyak 53 permohonan masih dalam proses penilaian berdasarkan saringan yang diterima daripada pihak Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC).

Berdasarkan statistik daripada tahun 2002 sehingga 2014, SPNB telah menerima 69,710 permohonan dan kesemuanya telah melalui proses saringan dan penilaian. Hasilnya, sebanyak 29,490 unit telahpun siap dibina sepanjang tempoh tersebut. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Lanang, jumlah permohonan serta peratusan yang berjaya memiliki RMR mengikut pecahan di setiap negeri sejak rancangan ini mula dilaksanakan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH PERMOHONAN DITERIMA	RMR SIAP	PERATUSAN YANG BERJAYA MEMILIKI RMR (%)
Terengganu	8,876	4,196	47.3
Kelantan	8,770	4,378	49.9
Pahang	7,002	2,388	34.1

Perak	7,395	3,049	41.2
Pulau Pinang	772	226	29.3
Kedah	7,505	3,740	49.8
Perlis	1,647	596	36.2
Selangor	3,888	1,408	36.2
Negeri Sembilan	5,383	2,428	45.1
Melaka	3,419	1,484	43.4
Johor	9,314	3,934	42.2
WPKL	42	15	35.7
Sabah	2,606	692	26.6
Sarawak	2,870	926	32.3
Labuan	216	30	13.9
WP Putrajaya	5	0	0.0
JUMLAH KESELURUHAN	69,710	29,240	42.3

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan telah memperuntukkan subsidi sebanyak 1/3 daripada harga rumah (bagi pemohon di Negeri Sarawak dan Sabah sahaja) di mana pemohon ketika ini hanya membuat pembayaran bulanan sebanyak RM150 sebulan sahaja sekaligus dapat mengurangkan beban kehidupan pembeli rumah tersebut dan meningkatkan taraf ekonomi keluarga yang terlibat.